



TEKS UCAPAN ALUAN

OLEH

Y. BHG. TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI

PENGERUSI

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

DI MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN

SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM,

MALAYSIA, NEGERI DAN PELAJARAN KALI KE-XI

DI DAMAI PURI RESORT, KUCHING, SARAWAK

PADA 18 OGOS 2008

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.**

Yang Berusaha Saudara/i Pengerusi Majlis,

Yang Amat Berhormat Pehin Sri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud,
Ketua Menteri Sarawak,

Yang Berhormat Menteri-menteri,

Yang Berhormat Datuk Amar Wilson Baya Dandot,
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak,

Yang Berbahagia Datu Hj. Hamzah bin Hj. Drahman,
Pengerusi SPA Negeri Sarawak,

Yang Berbahagia Dato' Ngah Senik,
Setiausaha Persekutuan Sarawak,

Yang Berbahagia Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya, Timbalan
Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya,

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,

Tetamu-tetamu jemputan khas, para peserta persidangan dan warga
warga perkhidmatan awam yang dihormati sekalian,

Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan.

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, maka dapatlah kita bersama-sama dalam Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Kali Ke-11, di mana pada kali ini, Kuching, Sarawak Bumi Kenyalang menjadi tuan rumah. Alhamdulillah, sebagaimana yang dipersetujui dalam persidangan ke-10 tahun lalu di Kuala Terengganu, persidangan ini patut diadakan sekali setahun dan hasrat ini telah dapat terlaksana dengan persetujuan SPA Negeri Sarawak untuk menjadi tuan rumah serta mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan Negeri Sarawak.

2. Saya bagi pihak warga persidangan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri lebih-lebih lagi kepada Yang Amat Berhormat Pehin Sri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak, yang sudi hadir meluangkan masa bersama kita pagi ini dan seterusnya merasmikan persidangan ini

nanti. Kehadiran Yang Amat Berhormat Pehin Sri Tan Sri menggambarkan sokongan padu Yang Amat Berhormat Pehin Sri Tan Sri terhadap usaha-usaha persidangan ini ke arah meningkatkan keupayaan dan kredibiliti Suruhanjaya-suruhanjaya perkhidmatan. Ia juga membawa makna yang besar kepada Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan dalam usaha berterusan melaksanakan agenda nasional dan meningkatkan lagi hubungan sedia terjalin di antara agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

3. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri-Menteri Sarawak, Yang Berhormat Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Y. Bhg. Setiausaha Persekutuan Sarawak, Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, para jemputan khas, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, ke majlis perasmian persidangan pada pagi yang penuh bermakna ini.

TEMA, OBJEKTIF DAN MATLAMAT PERSIDANGAN

Yang Amat Berhormat Pehin Sri Tan Sri, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Tema persidangan yang ke-11 pada kali ini ialah "Perkhidmatan Awam Untuk Semua". Pemilihan tema ini sebenarnya bersesuaian dengan komposisi kaum di negara kita yang terdiri daripada masyarakat majmuk dan kepelbagaian lapisan masyarakat. Semua Pihak Berkuasa Melantik telah melaksanakan usaha-usaha berterusan dalam meningkatkan representasi semua kaum dalam perkhidmatan awam. Begitu juga peluang kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Asli, Penerima Bantuan Program Rakyat Termiskin (PPRT), dan golongan tertentu dalam masyarakat juga akan diberi perhatian oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dalam urusan pengambilan. Kerajaan dan rakyat mempunyai ekpektasi yang tinggi terhadap Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan agar memainkan peranan secara bebas, berintegriti dan cemerlang supaya mampu melaksanakan amanah negara dalam urusan pengambilan anggota perkhidmatan awam dengan cekap,

pantas dan berkesan. Kepelbagaian kaum dan masyarakat di negara ini adalah suatu anugerah yang menjadi kekuatan serta keistimewaan yang patut dimanfaatkan sepenuhnya. Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan sudah tentu menyedari hakikat ini dan bersesuaian dengan tema persidangan akan terus berusaha mengarah hala tuju supaya keanggotaan dalam perkhidmatan awam mencerminkan kepelbagaian ini. Terasnya ialah mencari bakat yang terbaik tanpa mengira kaum, keturunan dan kelainan lain.

5. Pada persidangan kali ini, 8 kertas kerja dalam 6 sesi pembentangan oleh wakil-wakil dari sektor awam dan sektor swasta akan dibentangkan. Antaranya, "*Job Matching*" mengikut pengalaman Jobstreet.com dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) serta Penggunaan Aplikasi Bursa Buruh Elektronik atau Electronic Labour Exchange (ELX) dalam urusan pengambilan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi. Terdapat juga kertas kerja yang akan membincangkan langkah-langkah mengatasi kekurangan representasi bukan Melayu dalam perkhidmatan awam, keberkesanan *Assessment Centre* dan tumpuan kepada kaedah mendapatkan calon terbaik dalam perkhidmatan awam. Selain itu, akan turut dibentangkan tentang

pelaksanaan dasar pengambilan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam perkhidmatan awam dan Prinsip-prinsip Keadilan dalam perkara-perkara perkhidmatan.

6. Justeru, persidangan ini adalah diharapkan dapat menjadi wadah perkongsian maklumat, pengetahuan serta pengalaman dan juga sesi percambahan idea-idea segar dalam menangani pelbagai isu-isu yang berkaitan dengan urusan pengambilan, pelantikan dan perkhidmatan awam amnya. Adalah juga menjadi harapan saya agar kertas kerja yang dibentangkan dapat memberi manfaat kepada semua peserta dalam mencetuskan idea terbaik dan seterusnya dapat dilaksanakan di organisasi masing-masing dalam memacu prestasi yang lebih cemerlang.

PERANAN SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN DENGAN CABARAN PERKHIDMATAN AWAM MASA KINI

Yang Amat Berhormat Pehin Sri Tan Sri, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

7. Perkhidmatan Awam adalah selaku pemangkin pembangunan dan tulang belakang Kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar serta aspirasi Negara. Dalam menjalankan tugas sebagai Pihak Berkuasa Melantik yang menjadi pintu masuk ke dalam perkhidmatan awam, Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan memainkan peranan penting dalam mencorakkan hala tuju pembangunan modal insan negara. Modal insan negara pada masa akan datang adalah bergantung kepada siapa yang kita ambil pada hari ini. Dengan kata lain, peranan yang kita mainkan pada hari ini akan dinilai kemudiannya oleh generasi akan datang.

8. Imej perkhidmatan awam juga dilihat daripada kualiti dan kredibiliti penjawat awam secara individu. Pada hemat saya, nilai-nilai yang perlu ada pada penjawat awam pada masa kini adalah nilai-nilai universal seperti mempunyai budaya kerja cemerlang, pakar dan

berpengetahuan dalam menjalankan bidang tugasnya, adaptif atau berkeupayaan menyesuaikan diri dengan cabaran semasa dan mempunyai pemikiran maju ke depan. Oleh yang demikian, cabaran kepada Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan pada masa kini adalah bagi memastikan modal insan yang kita bekalkan untuk generasi akan datang memenuhi kriteria tersebut.

9. Dalam ucapan perasmian sempena Majlis Sambutan Jubli Emas SPA pada 24 Januari 2008 yang lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah menekankan tentang cabaran-cabaran global yang perlu diambil kira dalam urusan pengambilan di mana pengetahuan dan kepakaran yang diperlukan dalam Perkhidmatan Awam pada masa lalu adalah berbeza dengan pengetahuan dan kepakaran yang diperlukan oleh Perkhidmatan Awam masa kini dan akan datang. Di samping itu, turut dibangkitkan tentang perancangan strategik yang lebih kreatif, inovatif dan responsif serta tindakan yang lebih proaktif di pihak Suruhanjaya dalam mendapatkan "the best and the brightest talents" sepertimana yang telah dilakukan oleh Perkhidmatan Awam di negara-negara maju dan membangun yang lain dalam menghadapi "The War For

Talents”. Ini adalah cabaran yang perlu dibincangkan bersama oleh semua yang terlibat dalam urusan pengambilan dan pelantikan.

10. Walaubagaimanapun, dalam usaha kita mendapatkan calon-calon yang mempunyai bakat dan kepakaran untuk menyertai perkhidmatan awam, haruslah diingat bahawa calon-calon ini juga perlu mempunyai kualiti diri yang holistik, di mana mereka mempunyai keperibadian dan sahsiah diri yang unggul. Justeru, perkhidmatan awam yang terhasil adalah terdiri daripada anggota yang seimbang dari segi kualiti kerja dan aspek moral serta integriti.

11. Sehubungan itu, bagi mendapatkan calon yang sedemikian, sistem pengambilan yang lebih menyeluruh perlu dirangka. Konsep tapisan untuk menyenarai pendek calon temu duga yang pada masa kini lebih berteraskan latar belakang akademik perlu ditambah baik dengan menekankan juga aspek sahsiah dan keperibadian. Dalam merealisasikan perkara ini, SPA Malaysia telah merangka satu aplikasi "*Profiling Recruitment Model*". Objektif model ini adalah untuk melantik calon terbaik bagi setiap jawatan melalui satu sistem tapisan yang mampu memilih calon yang benar-benar sesuai dengan tugas

dan tanggung jawab jawatan yang dipohon. Dalam sistem ini, calon akan melalui tiga proses saringan iaitu peperiksaan, penilaian dan temu duga. Dengan demikian, hanya calon-calon yang sesuai dari segi psikologi, aptitud, sahsiah dan kompetensi sahaja yang akan ditemu duga. Jumlah calon dipanggil temu duga juga dapat dikurangkan dan proses temu duga dapat diselesaikan dalam jangka masa yang lebih singkat. "*Profiling Recruitment Model*" ini sedang diperhalusi oleh SPA sebelum dapat dilaksanakan sepenuhnya.

HARAPAN DARIPADA PERSIDANGAN

Yang Amat Berhormat Pehin Sri Tan Sri, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

12. Saya yakin dan percaya bahawa peserta persidangan secara khususnya dan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan secara amnya akan dapat memanfaatkan ilmu yang diperolehi daripada kertas-kertas yang dibentangkan di samping dapat berkongsi pengetahuan, pengalaman dan idea bagi menyahut cabaran yang diletakkan di bahu kita. Pada masa yang sama, Suruhanjaya-suruhanjaya diharapkan dapat memahami keperluan dari segi prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam urusan pengambilan dan pelantikan.

PENUTUP

13. Akhir kata, di kesempatan ini, sekali lagi saya mewakili Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan seluruh warga persidangan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pehin Sri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak, atas kesudian hadir untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pelajaran dan Negeri Kali Ke-11 ini. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Setiausaha Persekutuan Sarawak, Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan, pembentang-pembentang kertas kerja dari jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, sektor swasta, dan semua pihak yang terlibat dalam membantu menjayakan persidangan pada kali ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.